

KERAJINAN AMALAN KELUARGAKU

10

► 11.1: Mengamalkan Sikap Rajin dalam Keluarga

Standard Pembelajaran: 11.1.4 Melaksanakan tugas dengan rajin dalam keluarga

B5D10E1

Boleh mengamalkan sikap rajin dalam keluarga dengan terpuji

F Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

L50X Menilai dan membuat keputusan

berputus asa

sedih

membaca

rajin

memberitahu

ternampak

berlumba

berusaha

berjaya

memuji

Siti kecewa dengan diri sendiri kerana dia masih belum dapat membaca sifir Matematik dengan betul. Siti berasa sangat (1) _____.

Apabila tiba di rumah, Siti (2) _____ ibunya tentang masalah yang dihadapinya. Ibu Siti menasihati Siti agar (3) _____ dengan lebih tekun lagi dan jangan mudah (4) _____.

Siti cuba menghafal sifir di belakang rumahnya. Tiba-tiba dia (5) _____ seekor siput sedang merayap menaiki pokok pisang. Timbul perasaan di hati Siti untuk (6) _____ dengan siput itu. Dia menghafal sifir sementara siput itu sampai ke puncak pokok pisang, Siti akhirnya (7) _____ menghafal sifir itu.

Di sekolah, Siti (8) _____ sifir dengan betul. Siti pun menceritakan kisahnya bertanding dengan siput itu kepada Cikgu Sabariah. Cikgu Sabariah (9) _____ sikap Siti yang (10) _____ itu.